



مجلس اسلام دان عادت ملايو فراق

**SIARAN MEDIA
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK
(MAIPk)**

PEMBUKAAN MAAHAD TAHFIZ

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, setelah dipersembahkan hasrat para pengelola maahad tahfiz di negeri Perak, dan setelah Baginda mendapatkan sembah nasihat daripada Kementerian Kesihatan serta Majlis Keselamatan Negeri Perak, menzahirkan titah perkenan membolehkan maahad tahfiz kembali beroperasi mulai hari Isnin 17 Rejab 1442/1hb Mac 2021, dengan mematuhi perkara-perkara berikut:

1. Bilangan maksimum pelajar yang dibenarkan, terhad kepada kapasiti ruang asrama dan sekolah dengan mematuhi jarak fizikal yang diwajibkan, tertakluk kepada kelulusan Jabatan Agama Islam Perak dan berpandukan nasihat Jabatan Kesihatan dan Majlis Keselamatan Negara negeri Perak.
2. Ruang belajar, ruang hafalan, ruang solat dan ruang asrama wajib mematuhi jarak fizikal. Pelajar hanya dibenarkan menggunakan bahagian bawah katil dua tingkat (*double decker*) dalam asrama yang menyediakan katil dua tingkat.
3. Ibu bapa atau penjaga dibenarkan menghantar pelajar sehingga ke pintu pagar sahaja. Untuk meminimumkan pendedahan dan risiko, ibu bapa atau penjaga buat sementara waktu, tidak dibenarkan mengadakan sebarang lawatan menziarahi pelajar. Kebenaran membolehkan ibu bapa atau penjaga menziarahi pelajar akan dimaklumkan apabila pihak-pihak berkuasa berkaitan, berpuas hati penularan wabak berjaya dikawal dan angka jangkitan harian telah menurun.
4. Untuk memastikan jarak fizikal dipatuhi dan untuk meminimumkan perlakunya perkumpulan yang ramai pada sesuatu masa, pengurusan maahad tahfiz hendaklah menjadualkan waktu pendaftaran pelajar dalam tempoh masa yang lebih panjang dan ibu-bapa atau penjaga, dijemput hadir mengikut jadual secara berperingkat.
5. Semua barang yang dibawa dari rumah serta apa-apa juga barang yang dibawa dari luar, wajib disanitasi sebelum dibenarkan dibawa masuk ke dalam kawasan maahad tahfiz.

6. Pengurusan maahad tahfiz wajib melakukan sanitasi premis sekolah dan asrama secara keseluruhan yang memenuhi piawaian yang disahkan oleh Jabatan Kesihatan atau pihak berkuasa yang berkaitan sebelum menerima pelajar melaporkan diri.
7. Makanan berkumpulan menggunakan talam tidak dibenarkan. Setiap pelajar wajib menggunakan peralatan makanan sendiri yang tidak dikongsi dengan pelajar lain.
8. Pembekal barang kantin dan asrama, begitu juga pembekal peralatan tidak dibenarkan masuk ke kawasan maahad tahfiz.
9. Kawalan dan pemantauan kesihatan yang tegas hendaklah dipatuhi oleh guru dan staf yang keluar masuk kawasan maahad tahfiz.
10. Semua petugas di maahad tahfiz hendaklah dihadkan kepada warga negara dan penduduk tetap Malaysia. Pengurusan tahfiz hendaklah memeriksa dan memastikan para petugas tinggal dalam rumah dan persekitaran yang tidak menimbulkan keraguan daripada segi piawaian kesihatan.
11. Jabatan Agama Islam Perak dengan nasihat serta kerjasama Jabatan Kesihatan akan memperkenalkan mekanisme kawalan dan pemantauan untuk meminimumkan risiko jangkitan dalam kalangan warga maahad tahfiz.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan menegaskan Jabatan Agama Islam Perak tidak sama sekali berkompromi dalam menentukan pematuhan piawaian keselamatan kesihatan (*health security*) dalam kalangan warga maahad tahfiz. Para pelajar terutamanya, hendaklah pada setiap masa diberikan lindungan maksimum dan jangan sama sekali didedahkan kepada risiko keselamatan kesihatan. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak diberikan kuasa budi bicara boleh mengarahkan penutupan mana-mana maahad tahfiz yang gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Dikeluarkan dengan menjunjung titah perkenan
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan



Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini
Yang Dipertua
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak

10 Rejab 1442 /22 Februari 2021.